

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

**YSK 501 – Teori Komunikasi Lanjutan**

Masa: 2 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 1 muka surat bercetak dan 5 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

**Jawab DUA (2) soalan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Apakah yang dimaksudkan oleh Gramsci dengan hegemoni? Dengan menyediakan contoh yang jelas, nilaikan peranan media dalam proses mengatasi krisis hegemoni.  
(100 markah)
  
2. Dalam satu masyarakat yang sedang membangun, media seharusnya bekerjasama dengan pihak pemerintah untuk membangun dan memajukan rakyat. Bincangkan kenyataan ini dengan meneliti pandangan-pandangan yang dimajukan oleh ahli-ahli *diffusionist* dan pengkritik-pengkritik mereka.  
(100 markah)
  
3. Audien media kini mempunyai kuasa untuk menterjemah dan menggunakan bahan media. Oleh yang demikian kajian penghasilan media tidak penting lagi. Bincang dengan menyediakan contoh-contoh yang wajar.  
(100 markah)
  
4. Teori-teori komunikasi dibentukkan berasaskan pegangan ideologi dan pandangan-pandangan tertentu terhadap masyarakat. Bincang dengan menyediakan contoh-contoh yang wajar.  
(100 markah)
  
5. Penghasilan teknologi baru informasi dan komunikasi (ICT) adalah untuk meringankan beban masyarakat. Dengan mengaitkan kompleks industri, tentera dan pemerintah, bincangkan dakwaan ini.  
(100 markah)